# *IKHLAS* MEDIC ASSIST TAKAFUL (IMAT)

**You are not alone, just concentrate on recovery and let us take care of the rest.**




CERTIFIED TO ISO 9001 : 2000
CERT. NO : AR 4668
CERTIFIED TO MS 1900 : 2005
CERT. NO: AR 4669

www.takaful-ikhlas.com.my

## INTRODUCTION

Although the occurrence of serious illnesses and threatening diseases is on the rise, most of us are still living in the mindset of "it will never happen to me". Just because a person has never been critically ill and leads a healthy lifestyle does not guarantee a better health.

It is now a known fact that hospital bills are ever increasing. A simple surgery can cost you tens of thousands. Unprepared, a sum this much can put anyone in serious debts. No one should have to go through that phase.

***IKHLAS* Medic Assist Takaful** can put all that behind you so that you can concentrate on recovery. For an affordable Contribution, you can have comprehensive medical takaful coverge providing you more benefits and higher limits.

## WHAT DOES IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL COVER?

***IKHLAS* Medic Assist Takaful** offers 5 (five) plans of comprehensive hospitalisation and surgical coverage at affordable costs.

| Description of Benefit | Plan (Malaysia Ringgit) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| **Section A:** | | | | | |
| 1. Hospital Room & Board, daily maximum up to 365 day. | 450 | 300 | 220 | 150 | 100 |
| 2. Intensive Care Unit, daily maximum up to 30 days. | As Charged, subject to Necessary, Reasonable and Customary Charges | | | | |
| 3. Hospital Supplies & Services. | | | | | |
| 4. Surgical Fees, including post-surgery care up to 31 days. | | | | | |
| 5. Anesthetist Fee. | | | | | |
| 6. Operating Theatre. | | | | | |
| 7. Pre-Hospital Specialist Consultation, within 31 days prior to admission. | | | | | |
| 8. Pre-Hospital Diagnostic Test, within 31 days prior to admission. | | | | | |
| 9. Pre-Surgical Consultation & Diagnosis within 31 days prior surgery. | | | | | |
| 10. In-Hospital Physician Visit, daily maximum up to 120 days. | | | | | |
| 11. Post-Hospitalisation Treatment, within 60 days from the date of discharge. | | | | | |
| 12. Ambulance Fee. | | | | | |
| 13. Emergency Accidental Outpatient Treatment, per accident including follow up to 31 days. | | | | | |
| 14. Emergency Dental Treatment, per accident including follow-up up to 31 days. | | | | | |

| Description of Benefit | Plan (Malaysia Ringgit) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| 15. Traditional Medical Treatment. | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 |
| 16. Daily Cash Allowance at Government Hospital, daily maximum up to 60 days. | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |
| 17. Nursing at Home, daily maximum up to 60 days. | 200 | 175 | 150 | 125 | 100 |
| 18. Lodger Expenses (maximum per disability). | 400 | 300 | 250 | 200 | 150 |
| 19. Medical Report Fee, per disability. | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 |
| 20. Government Service Tax. | Covered | | | | |
| **Overall Annual Limit.** | **100,000** | **80,000** | **60,000** | **40,000** | **30,000** |
| **Section B: (In addition to overall Annual Limit)** | | | | | |
| 21. Organ Transplant, per disability. | 30,000 | 30,000 | 30,000 | 30,000 | 30,000 |
| 22. Outpatient Cancer Treatments, per year. | 60,000 | 50,000 | 40,000 | 30,000 | 20,000 |
| 23. Outpatient Kidney Dialysis, per year. | 30,000 | 25,000 | 20,000 | 15,000 | 10,000 |
| **Lifetime Limit (Section A & Section B)** | **400,000** | **300,000** | **210,000** | **150,000** | **90,000** |

## SCHEDULE OF ANNUAL CONTRIBUTION*

| Age Next Birthday | Plan (Malaysia Ringgit) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| 30 days – 18 years | 1,012 | 856 | 713 | 582 | 505 |
| 19 years – 25 years | 879 | 746 | 624 | 512 | 447 |
| 26 years – 30 years | 947 | 804 | 672 | 551 | 480 |
| 31 years – 35 years | 1,152 | 976 | 815 | 667 | 581 |
| 36 years – 40 years | 1,434 | 1,214 | 1,013 | 828 | 720 |
| 41 years – 45 years | 1,746 | 1,477 | 1,232 | 1,006 | 874 |
| 46 years – 50 years | 2,046 | 1,731 | 1,442 | 1,177 | 1,022 |
| 51 years – 55 years | 2,839 | 2,400 | 1,998 | 1,629 | 1,412 |
| 56 years – 60 years | 3,923 | 3,315 | 2,758 | 2,247 | 1,947 |
| 61 years – 65 years (renewal only) | 5,340 | 4,510 | 3,751 | 3,054 | 2,645 |
| 66 years – 70 years (renewal only) | 7,128 | 6,020 | 5,005 | 4,073 | 3,526 |
| 71 years – 75 years (renewal only) | 9,328 | 7,876 | 6,546 | 5,326 | 4,610 |
| 76 years – 80 years (renewal only) | 11,975 | 10,110 | 8,403 | 6,835 | 5,915 |

**Note:*

1) *Annual Contribution rates are applicable to standard risks only. Contribution loading may be imposed on non-standard risks.*
2) *Each Certificate is subject to a stamp duty of RM10.00. Certificate is subject to a stamp duty of RM10.00.*

## CONTRIBUTION REVISION

### Percentage Increase in Revised Contributions since 2008 for selected ages

| Age Next Birthday | Plan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| 30 | 18% | 31% | 41% | 57% | 55% |
| 40 | 39% | 56% | 69% | 93% | 97% |
| 50 | 12% | 18% | 38% | 60% | 62% |
| 60 | 31% | 48% | 64% | 90% | 110% |

While the new contributions may show an increase in comparison to the contribution rates first launched in 2008, this does not necessarily reflect the future trend of IKHLAS Medic Assist Takaful's contributions. Any future adjustments will be based on the portfolio's overall claims experience, and will also be reflective of current trends in medical inflation. Contribution increases are necessary to ensure that contributions are on par with rising healthcare costs.

## WHY *IKHLAS* MEDIC ASSIST TAKAFUL?

1. **Hospital Admission Assist (HAA) Card**

   For approved panel of hospitals - Convenient claims.

2. **Comprehensive Coverage**

   This coverage provides for necessary treatment based on reasonable and customary charges at the locality where treatment is received.

3. **Renewal Up to Age 80**

   This Certificate is renewable at the option of the Participant. Takaful IKHLAS will not refuse renewal or impose new exclusions during renewal subject to terms and conditions as stated in the Certificate contract. However, the product may be withdrawn from the market in accordance with the Portfolio Withdrawal Condition.

4. **Portfolio Pricing of Contribution**

   The Contribution is not guaranteed. However, increase in Contribution will be on a portfolio basis and must be approved by Bank Negara Malaysia. This means, that a person who has claimed on the Certificate will not be singled out to pay more Contribution than others.

5. **No Per Disability Limit**

   Other than the Overall Annual Limit and Lifetime Limit, there is no limit on the amount that can be claimed for a particular disability.

6. **Unisex Contribution Rates**

   Contributions are age-banded but there is no distinction between male and female Contribution rates.

**7. Contribution Enforced**

The Contribution enforced is based on the age of next birthday and is made annually at the rate applicable during renewal. The contribution published in the brochure is for standard life only and Contribution loading may be charged to non-standard life. Contribution is not guaranteed and may be subject to change.

**8. Easy Application**

Application is simple. Everyone from the age of 19 to 60 years may apply for this plan. The Certificate may be extended to the Participant's children between the ages of 30 days and 19 years (up to 23 years if full-time student).

**9. What Is Not Covered**

The plan does not cover pre-existing illnesses and/or disabilities and other exclusions contained in the Certificate. Medical treatment received by the Participant outside Malaysia is not covered if the Participant resides or travels outside Malaysia for more than ninety (90) consecutive days prior to treatment overseas.

**10. Period of Khiyar (Right of Cancellation)**

If this Certificate shall have been issued and for any reason whatsoever the Participant shall decide not to take up the Certificate, the Participant may return the Certificate to the Company for cancellation provided such request for cancellation is delivered by the Participant to the Company within fifteen (15) days from the date of delivery of the Certificate. The Participant is entitled to the return of the full Contribution paid less deduction of medical expenses incurred by the Company in the issue of the Certificate.

**11. Waiting Period**

Eligibility for benefits starts 30 days after the Participant has been included in the Certificate, except for a covered accident occurring after the effective date of coverage

## TERMS AND AGE LIMIT

**Issued Ages: Age definition is age next birthday**

Minimum Age at Entry:

| | |
|---|---|
| Participant/Spouse: | 19 years old |
| Child: | 30 days old |

Maximum Age at Entry:

| | |
|---|---|
| Participant/Spouse: | 60 years old |
| Child: | 18 years old and can be extended to 22 years for financially dependent, unmarried and full-time student |

Maximum Age at Expiry:

| | |
|---|---|
| Participant/Spouse: | Upon Certificate anniversary following the attainment of the 80th birthday |
| Child: | Upon Certificate anniversary following the attainment of the 19th birthday and can be extended to 23 years for financially dependent, unmarried and full time student |

**Maximum Limits:**

| | |
|---|---|
| Plan A | RM 400,000 Lifetime Limit |
| Plan B | RM 300,000 Lifetime Limit |
| Plan C | RM 210,000 Lifetime Limit |
| Plan D | RM 150,000 Lifetime Limit |
| Plan E | RM 90,000 Lifetime Limit |

**Coverage Term** : Yearly Renewable

**Contribution Payment Mode** : Yearly

## WHY TAKAFUL IKHLAS?

Takaful IKHLAS Sdn Bhd (Takaful IKHLAS) is a wholly-owned subsidiary of MNRB Holdings Berhad. Our business operations and management are in accordance with Shariah principles. We stress on ensuring equity and fairness in all our dealings as we believe in providing "**ease of doing business**" to our most important partner – **our Customers.**

In line with international and local developments in the practice of Islamic financial protection services, Takaful IKHLAS has adopted the Wakalah contract as our system and have modelled our operations accordingly. Wakalah is a form of representative relationship between Takaful IKHLAS and a participant (Principal/ Customer).

Takaful IKHLAS employs the following contracts to govern our business:

a. Tabarru' is a contract where the participant agrees to donate a pre-determined percentage of contribution to the Risk Fund to provide assistance to fellow participants in time of misfortune.

b. Wakalah is a contract where the participant authorises Takaful IKHLAS to conduct the affairs of Takaful business i.e. providing protection, investment etc. on his/her behalf. This concept allows Takaful IKHLAS to receive a fee from the Participants known as a Wakalah Fee.

**EXCLUSIONS**

This contract does not cover any hospitalisation, surgery or charges caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

1. Pre-existing illness, which shall mean disabilities that the Participant has reasonable knowledge of. A Participant may be considered to have reasonable knowledge of a pre-existing condition where the condition is one for which:
   a. the Participant had received or is receiving treatment;
   b. medical advice, diagnosis, care or treatment has been recommended;
   c. clear and distinct symptoms are or were evident; or
   d. its existence would have been apparent to a reasonable person in the circumstances.
2. Any medical or physical conditions arising within the first thirty (30) days of the Participant's cover or date reinstatement whichever is latest except for accidental injuries.
3. Care or treatment for which payment is not required or to the extent which is payable by any other takaful or indemnity covering the Participant and Disabilities arising out of duties of employment or profession that is covered under a Workman's Compensation Insurance Contract.
4. Plastic/Cosmetic surgery circumcision, eye examination, glasses and refraction or surgical correction of nearsightedness (Radial Keratotomy or Lasik) and the use or acquisition of external prosthetic appliances or devices such as artificial limbs, hearing aids, implanted pacemakers and prescriptions thereof.
5. Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by accidental injuries to sound natural teeth occurring wholly during the Period of Takaful.
6. Private nursing, rest cures or sanitaria care, illegal drugs, intoxication, sterilization, venereal disease and its sequelae, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV related diseases, and any communicable diseases required quarantine by law.
7. Any treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities including hereditary conditions.
8. Pregnancy, child birth (including surgical delivery), miscarriage abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility. Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization.

9. Psychotic, mental or nervous disorders (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations).

10. Hospitalisation primarily for investigatory purposes, diagnosis, X-ray examination, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered Disability or any treatment which is not Medically Necessary and any preventive treatments, preventive medicines or examinations carried out by a Physician, and treatments specifically for weight reduction or gain.

11. Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephone, telex services, radio or similar facilities, admission kit pack and other ineligible non-medical items.

12. Sickness or injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities.

13. Suicide, attempted suicide or intentionally self-inflicted injury while sane or insane.

14. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes.

15. War or any act of war, declared or undeclared criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection.

16. Ionising, radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material.

17. Expenses incurred for donation of any body organ by a Participant and costs of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications.

18. Expenses incurred for sex changes.

19. Investigation and treatment of sleep and snoring disorders, hormone replacement therapy and alternative therapy such as treatment, medical services or supplies including but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bone-setting, herbalist treatment, massage or aroma therapy or other alternative treatment.

Note:
This list is not exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the full list of exclusions and limitations under this certificate.

**IMPORTANT NOTES**

a. You should satisfy yourself that this plan will best serve your needs and that the Contribution payable under the plan is an amount that you can afford.

b. This is a yearly renewable individual health takaful plan that does not participate in the Company's profit.

c. Coverage will be terminated should the Participant cease to pay the Contributions. A Grace Period of fourteen days following the expiry date shall be allowed to the Participant for the payment of any Contributions after the first Certificate year. If any Contribution is not paid in respect of this Certificate or any supplementary contracts before the end of the Grace Period, this Certificate and the relevant supplementary contracts shall be deemed as terminated at the expiry date of the Certificate. Even if payment is made during the grace period any disability occurring during the period from the expiry date to the payment date shall not be payable.

d. The Company has the right to repudiate liability in the event that the Participant failed to disclose relevant information that would affect the decision of the Company to accept or reject the risk, and on the contribution rates and terms to be applied to the Participant.

e. The brochure is for general information only. It is not a contract of Takaful. The conditions disclosed are not exhaustive. Please refer to the Certificate Contract for the details on important features of the Certificate.

f. For more information, you may refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Medical and Health Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from the Takaful Agent or visit www.insuranceinfo.com.my.

g. There are disadvantages on switching Certificate from one Company to another. One of the disadvantages is that if your current health status is less favorable to the new Company, new terms and exclusions may be imposed by the new Company. You will also have to go through the standard waiting period before you can make any claim.

h. Total amount to be exempted for income tax relief is subject to approval from the Inland Revenue Board of Malaysia.

07/2011

For more information, please contact us at:

**TAKAFUL IKHLAS SDN BHD** (593075 U)

*(A wholly-owned subsidary of MNRB Holding Berhad)*

IKHLAS Point
Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No 8 Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-27239999 Fax: 03-27239998
Website: www.takaful-ikhlas.com.my

*(as the distributor and takaful operator)*

## PENGENALAN

Walaupun kejadian sakit serius dan penyakit yang mengancam nyawa semakin meningkat namun kebanyakan dari kita masih lagi berfikir bahawa "Ianya tidak akan berlaku kepada saya". Walaupun seseorang itu tidak pernah menghidapi penyakit teruk dan mengamalkan gaya hidup sihat, ia tidak menjamin mereka akan sentiasa sihat.

Bil hospital yang semakin meningkat masa kini adalah satu fakta yang diketahui ramai. Pembedahan kecil kadang-kala memerlukan sehingga puluhan ribu ringgit. Jika anda tidak bersedia, kos ini boleh menyebabkan anda berhutang. Tiada seorang pun yang perlu menghadapi keadaan ini.

Dengan ***IKHLAS* Medic Assist Takaful**, anda tidak perlu risaukan kos rawatan hospital dan hanya perlu memberi tumpuan sepenuhnya untuk pulih. Dengan kos yang berpatutan, anda boleh memperolehi takaful perubatan yang komprehensif yang memberikan anda lebih banyak manfaat dan had perlindungan yang lebih tinggi.

## APAKAH MANFAAT YANG DITAWARKAN OLEH *IKHLAS* MEDIC ASSIST TAKAFUL?

***IKHLAS* Medic Assist Takaful** menawarkan 5 (lima) pelan penghospitalan dan pembedahan yang komprehensif dengan kos yang berpatutan.

| Keterangan Manfaat | Pelan (Ringgit Malaysia) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| **Seksyen A:** | | | | | |
| 1. Bilik Hospital & Makan, maksimum harian sehingga 365 hari. | 450 | 300 | 220 | 150 | 100 |
| 2. Unit Rawatan Rapi, maksimum harian sehingga 30 hari. | Seperti yang dicaj, tertakluk kepada bayaran diperlukan munasabah dan biasa diamalkan. | | | | |
| 3. Bekalan & Khidmat Hospital. | | | | | |
| 4. Bayaran Pembedahan, termasuk penjagaan selepas pembedahan sehingga 31 hari. | | | | | |
| 5. Bayaran Pakar Bius. | | | | | |
| 6. Bilik Bedah. | | | | | |
| 7. Rundingan Pakar, Pra-Penghospitalan, dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan. | | | | | |
| 8. Ujian Diagnostik Pra-Penghospitalan dalam jangka masa 31 hari sebelum kemasukan. | | | | | |
| 9. Rundingan Pakar & Diagnostik Pra pembedahan, dalam jangka masa 31 hari sebelum pembedahan. | | | | | |
| 10. Lawatan Pakar Perubatan di Hospital, maksimum harian sehingga 120 hari. | | | | | |
| 11. Rawatan Selepas Penghospitalan dalam jangka masa 60 hari selepas tarikh keluar hospital. | | | | | |
| 12. Bayaran Ambulans. | | | | | |
| 13. Rawatan Pesakit Luar Bagi setiap Kemalangan dan Kecemasan, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan 31 hari. | | | | | |
| 14. Rawatan Kecemasan Pergigian, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan 31 hari. | | | | | |

| Keterangan Manfaat | Pelan (Ringgit Malaysia) | | | | |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | A | B | C | D | E |
| 15. Rawatan Perubatan Tradisional. | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 |
| 16. Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, maksimum harian sehingga 60 hari. | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |
| 17. Penjagaan di Rumah, maksimum harian sehingga 60 hari. | 200 | 175 | 150 | 125 | 100 |
| 18. Perbelanjaan Tempat Tinggal (maksimum setiap hilang upaya). | 400 | 300 | 250 | 200 | 150 |
| 19. Yuran Laporan Perubatan, setiap hilang upaya. | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 |
| 20. Cukai Perkhidmatan Kerajaan. | Dilindungi | | | | |
| **Had Tahunan Keseluruhan** | **100,000** | **80,000** | **60,000** | **40,000** | **30,000** |
| **Seksyen B: (Tambahan kepada Had Tahunan Keseluruhan)** | | | | | |
| 21. Permindahan Organ, setiap hilang upaya. | 30,000 | 30,000 | 30,000 | 30,000 | 30,000 |
| 22. Rawatan Pesakit Luar Kanser, setahun. | 60,000 | 50,000 | 40,000 | 30,000 | 20,000 |
| 23. Rawatan Pesakit Luar Dialisis Buah Pinggang, setahun. | 30,000 | 25,000 | 20,000 | 15,000 | 10,000 |
| **Sepanjang Hayat (Seksyen A & Seksyen B)** | **400,000** | **300,000** | **210,000** | **150,000** | **90,000** |

## JADUAL SUMBANGAN TAHUNAN*

| Usia Harijadi Akan Datang | Pelan (Ringgit Malaysia) | | | | |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | A | B | C | D | E |
| 30 hari – 18 tahun | 1,012 | 856 | 713 | 582 | 505 |
| 19 tahun – 25 tahun | 879 | 746 | 624 | 512 | 447 |
| 26 tahun – 30 tahun | 947 | 804 | 672 | 551 | 480 |
| 31 tahun – 35 tahun | 1,152 | 976 | 815 | 667 | 581 |
| 36 tahun – 40 tahun | 1,434 | 1,214 | 1,013 | 828 | 720 |
| 41 tahun – 45 tahun | 1,746 | 1,477 | 1,232 | 1,006 | 874 |
| 46 tahun – 50 tahun | 2,046 | 1,731 | 1,442 | 1,177 | 1,022 |
| 51 tahun – 55 tahun | 2,839 | 2,400 | 1,998 | 1,629 | 1,412 |
| 56 tahun – 60 tahun | 3,923 | 3,315 | 2,758 | 2,247 | 1,947 |
| 61 tahun – 65 tahun (hanya untuk pembaharuan) | 5,340 | 4,510 | 3,751 | 3,054 | 2,645 |
| 66 tahun – 70 tahun (hanya untuk pembaharuan) | 7,128 | 6,020 | 5,005 | 4,073 | 3,526 |
| 71 tahun – 75 tahun (hanya untuk pembaharuan) | 9,328 | 7,876 | 6,546 | 5,326 | 4,610 |
| 76 tahun – 80 tahun (hanya untuk pembaharuan) | 11,975 | 10,110 | 8,403 | 6,835 | 5,915 |

**Nota:*

1) *Kadar Sumbangan Tahunan yang tertera adalah untuk orang yang sihat sahaja. Sumbangan tambahan mungkin dikenakan kepada orang yang kurang sihat.*

2) *Setiap Sijil dikenakan duti setem sebanyak RM10.00.*

## SEMAKAN SUMBANGAN

**Peratusan Kenaikan dalam Semakan Sumbangan sejak 2008 bagi umur pilihan**

| Umur Pada Harijadi Akan Datang | Pelan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E |
| 30 | 18% | 31% | 41% | 57% | 55% |
| 40 | 39% | 56% | 69% | 93% | 97% |
| 50 | 12% | 18% | 38% | 60% | 62% |
| 60 | 31% | 48% | 64% | 90% | 110% |

Walaupun sumbangan baru menunjukan kenaikan berbanding dengan sumbangan semasa pelancaran pada 2008, ini tidak semestinya menggambarkan kadar sumbangan IKHLAS Medic Assist Takaful pada masa akan datang. Sebarang perubahan seterusnya akan berdasarkan kepada pengalaman tuntutan untuk keseluruhan portfolio, dan akan mengikut kadar semasa inflasi perubatan. Kenaikan ini adalah perlu untuk memastikan sumbangan adalah setara dengan kenaikan kos perubatan.

## MENGAPA *IKHLAS* MEDIC ASSIST TAKAFUL?

1. **Kad Bantuan Kemasukan Hospital**

   Bagi panel hospital yang diluluskan - untuk kemudahan tuntutan.

2. **Perlindungan Komprehensif**

   Perlindungan ini memberi rawatan yang diperlukan pada kadar yang berpatutan dan munasabah di lokasi di mana anda menerima rawatan.

3. **Pembaharuan Sehingga Umur 80 Tahun**

   Sijil boleh diperbaharui oleh Peserta. Pihak Takaful IKHLAS tidak boleh menolak pembaharuan Sijil dan tidak boleh menambah pengecualian ketika pembaharuan tertakluk kepada terma dan syarat di dalam kontrak Sijil. Walau bagaimanapun, Sijil ini boleh ditarik balik dari pasaran mengikut Syarat Penarikan Balik Portfolio.

4. **Pengiraan Sumbangan Secara Berkelompok**

   Sumbangan Takaful adalah tidak dijamin. Akan tetapi, kenaikan kadar sumbangan adalah secara berkelompok dan perlu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Ini bermaksud, mereka yang telah membuat tuntutan ke atas Sijil tidak akan dikenakan sumbangan yang lebih berbanding dengan mereka yang lain.

5. **Tiada Had Tuntutan Setiap Hilang Upaya**

   Selain daripada Had Tahunan Keseluruhan dan Had Sepanjang Hayat, tiada sebarang had ke atas jumlah tuntutan untuk setiap hilang upaya.

6. **Kadar Sumbangan Samarata**

   Sumbangan Takaful dikira mengikut umur dan tidak ada perbezaan di antara sumbangan oleh lelaki dan wanita.

7. **Sumbangan yang Dikenakan**

   Sumbangan yang dikenakan adalah berdasarkan umur pada harijadi yang akan datang pada kadar tahunan yang ditentukan semasa pembaharuan. Sumbangan yang tertera pada risalah ini adalah untuk mereka yang sihat dan sumbangan tambahan boleh dikenakan pada mereka yang kurang sihat. Sumbangan tidak dijamin dan mungkin boleh berubah.

8. **Permohonan yang Mudah**

   Permohonan adalah sangat mudah. Sesiapa yang berumur di antara 19 hingga 60 tahun layak memohon. Sijil ini boleh diunjurkan kepada anak-anak tanggungan Peserta yang berumur dari 30 hari hingga 19 tahun (sehingga umur 23 tahun jika belajar sepenuh masa).

9. **Perkara yang tidak dilindungi**

   Pelan ini tidak melindungi penyakit atau keadaan yang sedia ada atau/dan hilang upaya dan pengecualian yang dinyatakan di dalam Sijil. Sijil ini tidak meliputi rawatan perubatan yang diterima oleh Peserta di luar Malaysia sekiranya Peserta tinggal atau membuat perjalanan di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut sebelum rawatan tersebut.

10. **Tempoh Khiyar (Hak Untuk Pembatalan)**

    Jika Sijil ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa alasan, Peserta membuat keputusan untuk tidak mengambil Sijil tersebut, Peserta boleh mengembalikan Sijil tersebut kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh Peserta kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Sijil. Peserta layak menerima pulangan penuh sumbangan yang telah dibayar ditolak belanja ujian perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Sijil tersebut.

11. **Tempoh Menunggu**

    Manfaat-manfaat hanya akan bermula selepas 30 hari dari tarikh Sijil berkuat kuasa, kecuali untuk kes-kes kemalangan yang berlaku selepas tarikh kuatkuasa perlindungan.

## SYARAT DAN HAD UMUR

**Umur Penyertaan: Definisi umur adalah berdasarkan umur harijadi akan datang**

Umur Minima Penyertaan:

| | |
|---|---|
| Peserta/Pasangan: | 19 tahun |
| Anak: | 30 hari |

Umur Maksima Penyertaan:

| | |
|---|---|
| Peserta/Pasangan: | 60 tahun |
| Anak: | 18 tahun dan dilanjutkan sehingga umur 22 tahun sekiranya ditanggung oleh ibubapa, tidak berkahwin dan pelajar sepenuh masa |

Umur Maksima Penamatan:

Peserta/Pasangan: Pada ulangtahun Sijil selepas mencapai umur 80 tahun

Anak: Pada ulangtahun Sijil selepas mencapai umur 19 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga umur 23 sekiranya ditanggung oleh ibubapa, tidak berkahwin dan pelajar sepenuh masa

**Had Penyertaan:**

| | |
|---|---|
| Pelan A | RM 400,000 Had Jangka Hayat |
| Pelan B | RM 300,000 Had Jangka Hayat |
| Pelan C | RM 210,000 Had Jangka Hayat |
| Pelan D | RM 150,000 Had Jangka Hayat |
| Pelan E | RM 90,000 Had Jangka Hayat |

**Tempoh Perlindungan** : Pembaharuan Tahunan

**Cara Pembayaran Sumbangan** : Tahunan

## MENGAPA TAKAFUL IKHLAS?

Takaful IKHLAS Sdn Bhd (Takaful IKHLAS) adalah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad. Operasi perniagaan kami adalah berlandaskan prinsip Syariah. Kami turut memberi keutamaan dalam memastikan agar semua urusan perniagaan kami adalah berasaskan kesaksamaan dan keadilan. Kami percaya kepada falsafah **"memudahkan urusan perniagaan"** kepada rakan perniagaan kami yang paling utama - **pelanggan kami**.

Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, Takaful IKHLAS telah memilih kontrak Wakalah sebagai model dalam membentuk asas operasi kami. Wakalah adalah satu bentuk perhubungan perwakilan di antara Takaful IKHLAS dan seseorang Peserta (Prinsipal/Pelanggan).

Takaful IKHLAS menggunakan kontrak berikut sebagai garis panduan perniagaan kami:

a. Kontrak Tabarru' adalah derma dimana Peserta bersetuju mendermakan peratusan yang telah ditentukan daripada caruman kepada Dana Risiko untuk membantu Peserta lain yang ditimpa musibah.

b. Kontrak Wakalah adalah kontrak perwakilan di mana Peserta melantik Takaful IKHLAS untuk mewakili dirinya dalam mengendalikan urusan berkaitan Takaful seperti menyediakan perlindungan atau membuat pelaburan bagi pihaknya. Konsep ini membolehkan Takaful IKHLAS menerima upah daripada Peserta yang dinamakan sebagai Yuran Wakalah.

## PENGECUALIAN

Sijil ini tidak meliputi apa-apa penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Penyakit sedia ada, hendaklah bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh Peserta. Perserta dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

   a. Peserta telah atau sedang menerima rawatan;

   b. Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;

   c. Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau

   d. Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

2. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Peserta mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.

3. Penjagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana takaful lain atau tanggung rugi (indemniti) yang melindungi Peserta dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang diilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.

4. Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.

5. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Takaful.

6. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

7. Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk kelainan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.

8. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pra-natal atau pos-natal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, ketidakfungsian erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi (kemandulan) atau pensterilan.

9. Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

10. Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau mana-mana rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
11. Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
12. Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjunan udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
13. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri ketika siuman atau tidak siuman.
14. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual mana berdaftar untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
15. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
16. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
17. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Peserta dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
18. Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.
19. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.

Nota:
Senarai ini tidak kengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian di bawah Sijil ini.

**NOTA-NOTA PENTING**

a. Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa Sumbangan yang perlu dibuat di bawah pelan ini merupakan jumlah yang mampu anda sumbangkan.

b. Ini adalah pelan takaful kesihatan individu yang diperbaharui setiap tahun dan sama sekali tidak berkaitan dengan keuntungan Syarikat.

c. Perlindungan akan ditamatkan sekiranya Peserta gagal membayar Sumbangan. Tempoh Ihsan selama empat-belas (14) hari selepas daripada tarikh tamat pembayaran akan dibenarkan kepada Peserta bagi pembayaran mana-mana Sumbangan selepas tahun pertama Sijil. Sekiranya mana-mana Sumbangan tidak dibayar berkaitan dengan Sijil ini atau mana-mana kontrak tambahan sebelum akhir Tempoh Ihsan ini, Sijil ini dan kontrak tambahan berkaitan akan dianggap terbatal pada tarikh tamat Sijil. Walaupun pembayaran telah dibuat semasa Tempoh Ihsan dalam tempoh dari tarikh tamat sehingga ke tarikh pembayaran, jika berlaku sebarang hilang upaya tiada pembayaran akan dibuat.

d. Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga sumbangan dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta.

e. Risalah ini menyatakan maklumat am sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat tidak dinyatakan secara terperinci. Sila rujuk kepada kontrak Sijil untuk butiran terperinci tentang ciri-ciri penting Sijil tersebut.

f. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehinya daripada wakil Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

g. Anda mungkin kerugian jika anda memindahkan Sijil daripada satu Syarikat kepada Syarikat lain. Salah satu implikasinya ialah apabila kesihatan anda ketika itu kurang memuaskan, syarat-syarat dan pengecualian tambahan mungkin dikenakan oleh Syarikat yang baru. Anda juga perlu melalui semula tempoh menunggu sebelum anda boleh membuat tuntutan.

h. Jumlah yang akan dikecualikan cukai pendapatan untuk sumbangan Takaful tertakluk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

07/2011

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di:

**TAKAFUL IKHLAS SDN BHD** (593075 U)

*(Anak syarikat milik penuh MNRB Holding Berhad)*

IKHLAS Point
Tower 11A, Avenue 5 Bangsar South
No 8 Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-27239999 Faks: 03-27239998
Laman Sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

*(Sebagai pengedar dan pengendali takaful)*

Takaful IKHLAS®

# *IKHLAS* MEDIC ASSIST TAKAFUL (IMAT)

**Anda tidak bersendirian, hanya tumpukan perhatian kepada pemulihan and selebihnya kami akan uruskan.**




CERTIFIED TO ISO 9001 : 2000
CERT. NO : AR 4668

MS ISO/IEC 17021 : 2006
QS 02121999 CB 01

CERTIFIED TO MS 1900 : 2005
CERT. NO: AR 4669

**www.takaful-ikhlas.com.my**